

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS MAKAN  
MALAM YANG DIBERIKAN OLEH JAWATANKUASA  
REVOLUSI ZHEJIANG PROVINCE DI HANGCHOU PADA  
7 MEI, 1979.**

Dari Beijing ke Shanghai dan pada hari ini di Hangchou, saya dan rombongan saya dari Malaysia telah disambut dengan penuh kemesraan oleh pemimpin-pemimpin dan rakyat di tempat-tempat tersebut. Kepada Tuan Yang Terutama, Encik Die (Tiek) Ying, Pengerusi Jawatankuasa Revolusi Provinsi Chechiang, Encik Wang Fang, Timbalan Pengerusi dan Puan Wang Fang, Tuan Yang Terutama Naib Mayor Hangchou, Encik Chen Siak, dan Pegawai-pegawai, kami sampaikan ucapan terimakasih setinggi-tingginya di atas layanan yang baik dan mesra. Semenjak lawatan kami ke Beijing kami telah berkenalan dengan Teh Shuang Feng di Commune Rakyat Tasek Barat, memberi gambaran kepada kami cara petani-petani miskin dan yang tidak mempunyai tanah menjalankan usaha kerjasama bagi meningkatkan pendapatan mereka. Sungguhpun Republik Rakyat China termasyhur dengan sutera Brocadanya, inilah kali yang pertama kami mendapat peluang untuk melawat sebuah kilang membuat sutera Brocade.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Lawatan saya ke negara yang agung ini merupakan satu kunjungan muhibbah. Tuan Yang Terutama Naib Perdana Menteri, Encik Deng Xiaoping melawat Malaysia pada bulan November yang lepas. Kami telah mengalu-alukan lawatannya itu dan saya sendiri sangat-sangat menghargai perbincangan yang berguna yang telah diadakan. Beberapa hari yang lepas, saya sekali lagi telah berpeluang untuk berbincang dengan Tuan Yang Terutama Naib Perdana Menteri. Pada kali ini, perbincangan kami meliputi bidang yang luas, termasuklah masalah semasa di Indochina. Saya mengucapkan terimakasih di atas kesempatan yang telah diberikan kepada saya oleh Tuan Yang Terutama Pengerusi Hua Guofeng dan Tuan Yang Terutama Naib Perdana Menteri Deng Xiaoping, kami bersetuju supaya perdagangan di antara kedua-dua negara hendaklah ditingkatkan untuk faedah bersama. Kedua-dua negara kita inginkan memperbaiki lagi perhubungan dua hala, kedua-dua negara kita inginkan keamanan dan kestabilan, terutamanya di Asia Tenggara. Malaysia merasa yakin bahawa Republik Rakyat China akan menjalankan segala dayausahanya bagi mewujudkan keadaan ini, Malaysia sendiri akan bekerjasama dengan mana-mana negara yang berusaha untuk mewujudkan keamanan dan kestabilan di rantau Asia Tenggara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Dengan hormatnya saya mempersilakan hadirin sekalian minum ucap selamat kepada:

- a) Tuan Yang Terutama Encik Die (Tiek) Ying.
- b) Tuan Yang Terutama Encik Wang Fang dan Puan Wang Fang
- c) Tuan Yang Terutama Encik Chen Siak.
- d) Kepada tetamu-tetamu Kehormat dari Republik Rakyat China yang hadir, untuk kesihatan dan kesejahteraan mereka.

Akhirnya, untuk persahabatan rakyat negara Republik Rakyat China dan Malaysia.

Terimakasih.